




"MEMBUDAYAKAN NASIHAT MENASIHATI". 1

2	الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : فَذَكِّرْ إِنْ نَفَعَتِ الذِّكْرَى ﴿٩﴾ سَيَذَكِّرُ مَنْ يَحْشَى ﴿١٠﴾
3	أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
4	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٤﴾
5	Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah Sekalian, Saya berpesan buat diri saya dan tuan-tuan sekalian, marilah kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan beriltizam di atas jalan-Nya (agama-Nya) dan mengelakkan diri dari terpesong dari jalan yang lurus ini.
6	Muslimin yang berbahagia, Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk " MEMBUDAYAKAN NASIHAT MENASIHATI ".
7	Islam merupakan agama yang menggalakkan umatnya saling nasihat menasihati dan memberikan teguran antara satu sama lain. Amalan yang mulia ini amat dituntut dalam Islam kerana ia saling mengingatkan agar tidak tersalah memberi panduan untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik.



<p>Memberi nasihat bukanlah semestinya mengajar, tetapi ia merupakan ingatan kepada seseorang yang mungkin terlupa. Ia juga bukanlah semestinya membawa maklumat yang baharu tetapi ia adalah ingatan pada perkara yang mungkin sudah tahu atau biasa didengari tetapi mungkin terlupa atau terlalai. Betapa ramai orang yang tersalah, bukan sebab tidak tahu, tetapi disebabkan tidak sedar apabila sudah terbiasa dan mengambil mudah tentang sesuatu perkara.</p>	8
<p>Memberi nasihat dan ingatan merupakan suatu keperluan dalam kehidupan. Setiap hari kita pasti akan berjumpa dengan pelbagai nasihat dan ingatan seperti di sepanjang jalan raya. Kita berjumpa dengan papan tanda 'awas', 'zon had laju', 'statistik kemalangan' dan 'dalam pembinaan' untuk mengingatkan pemandu agar lebih berhati-hati dan lebih cermat. Apa yang menariknya, orang ramai tidak menentang malahan boleh menerima peringatan dari papan tanda tersebut kerana kita semua tahu nasihat dan peringatan memberikan kebaikan kepada manusia.</p>	9
<p>Ini sesuai dengan firman Allah dalam surah Al-Dzariyat ayat 55:</p> <p style="text-align: center;"> وَذَكِّرْ فَإِنَّ الذِّكْرَى تَنْفَعُ الْمُؤْمِنِينَ</p> <p><i>"Berilah peringatan, kerana memberi ingatan itu memberi manfaat kepada orang yang beriman."</i></p> <p>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,</p>	10
<p>Manusia diciptakan oleh Allah SWT dengan penuh kesempurnaan. Namun disebalik kesempurnaan itu manusia sering terlalai, terlupa dan tersasar dari matlamat hidup yang sebenar. Ada yang masih lalai untuk menyempurnakan kewajipan solat, mengabaikan tanggungjawab menunaikan zakat, terlibat dengan riba dan rasuah, terjebak dengan hiburan yang melampau, minum arak, mengadu domba, memfitnah, tidak menghormati orang-orang tua, guru-guru dan lain-lain lagi.</p>	11



<p>Semua perkara ini adalah dilarang dalam Islam dan nasihat menasihati sesama saudara muslim adalah menjadi tanggungjawab kepada kita semua. Tidak ada ruginya menerima nasihat, bahkan ia dapat membaiki dan meningkatkan kesempurnaan peribadi kita.</p>	12
<p>Kini terdapat kecenderungan sebilangan masyarakat yang sukar untuk ditegur malah payah untuk menerima teguran. Sesuatu teguran itu dianggap memalukan seolah-olah memperbodohkan mereka. Orang yang ditegur itu akan melenting dan menolak nasihat yang disampaikan. Akhirnya budaya memberi nasihat dan tegur menegur itu akhirnya semakin hilang. Masing-masing mengambil sikap mendiamkan diri atas kesalahan yang dilakukan oleh orang lain. Lebih malang lagi dalam institusi rumahtangga seseorang suami tidak menasihati isterinya dan sebaliknya.</p>	13
<p>Ini merupakan budaya yang tidak sihat dan patut dibendung. Ini mungkin kerana prinsip hidup sendiri-sendiri atau kubur masing-masing atau berpegang dengan pepatah jangan jaga tepi kain orang. Mereka berasa boleh hidup sendirian dan tidak bergantung kepada orang lain. Ia juga berpunca dari sikap ego tentang kelebihan diri yang mendapat pendidikan yang tinggi dan mempunyai taraf hidup yang baik atau merasa hina dengan teguran yang diberikan. Sikap ini yang menyebabkan mereka sukar untuk ditegur dan diberi nasihat.</p> <p>Hadirin sekalian,</p>	14
<p>Sesungguhnya budaya nasihat menasihati, tegur menegur perlu menjadi budaya yang diterima dalam masyarakat. Kita perlu bersyukur, sekiranya ada orang yang memberi nasihat kepada kita dan juga menegur kesalahan kita.</p>	15



<p>Walau bagaimanapun, teguran dan nasihat yang diberikan itu perlu dilakukan secara berhemah dan ikhlas dengan bahasa yang sesuai dan tidak mengaibkan dihadapan umum. Menegur jangan sampai menghina, mendidik jangan sampai memaki, menegur bukan sampai menghukum. Bagi yang ditegur pula, seharusnya bersyukur, berlapang dada, menghargai, berbaik sangka; bukan marah, melenting, memberi alasan, tidak mengaku dan sebagainya. Kita mungkin boleh menerima nasihat secara tidak langsung melalui pengajian dan kuliah yang disampaikan oleh para Asatizah yang turut dijadikan panduan dalam kehidupan untuk menjadi hamba Allah yang lembut hatinya.</p> <p>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,</p>	16
<p>Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah sama-sama kita hayati dan ambil iktibar terhadap perkara-perkara berikut untuk dijadikan pedoman dalam hidup kita, antaranya:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam wajib mematuhi perintah Allah SWT dan meyakini bahawa apa jua perbuatan baik dan buruk yang dilakukan akan menerima balasan daripada Allah SAW.2. Umat Islam perlu membudayakan amalan nasihat menasihati dalam kehidupan untuk memberi ingatan dan mengelak dari melakukan kesalahan.3. Umat Islam hendaklah memberi dan menerima nasihat yang benar sebagaimana yang dipandukan oleh al-Quran dan Hadis.	17



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾</p>	18
<p><i>“Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji) serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman) dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka orang-orang yang fasik.”</i></p> <p>(Surah ali-Imran: 110).</p>	19
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	27
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	28



KHUTBAH KEDUA

<p>أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ</p>	3
<p>Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19. Untuk itu terimalah dengan baik saranan pihak kerajaan supaya mendaftarkan diri kita melalui aplikasi Mysejahtera untuk mendapatkan suntikan vaksin yang telah disahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.</p>	5
<p>Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin mematuhi S.O.P dan tatacara amalan kebiasaan baharu untuk memerangi wabak Covid-19 demi keselamatan diri serta masyarakat.</p>	7
<p>Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin mematuhi Prosedur Operasi Standart (SOP) dan tatacara amalan kebiasaan baharu untuk memerangi wabak penyakit Covid 19 demi keselamatan diri serta masyarakat.</p>	8




Dalam kita berhadapan dengan wabak ini, janganlah kita mengambil jalan mudah dengan memudar dan menyakiti diri sendiri. Kita mestilah berjiwa besar, sabar dan kuat mental serta fizikal berasaskan keimanan yang mantap.	
Marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana perintah Allah dalam firman-Nya :	9
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾	10
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.	11
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.	12
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمَّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.	13
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ،	14
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	15



<p>اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج</p>	16
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	17
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	18
<p>Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hamba-Mu yang sentiasa meninggikan kalimah dan Agama-Mu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina Agama-Mu</p>	19
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	20
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	21



	22
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٢٢﴾</p>	23
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ ۖ إِنَّ نِعْمَهُ يُزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	24